BAHASA KETIGA**UBA2012 BAHASA ARAB I**

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Arab. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Arab yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab yang mudah.

UBA2022 BAHASA ARAB II

Kursus UBA 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBA 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana

UBM2012 BAHASA MANDARIN I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Mandarin. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Mandarin yang

paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Mandarin yang mudah.

UBM2022 BAHASA MANDARIN II

Kursus UBM 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBM 2012. Pada peringkat ini pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar juga dibekalkan dengan lebih kurang 350 perkataan baru dalam Hanyu Pinyin. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap yang lebih tinggi.

UBJ2012 BAHASA JEPUN I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Jepun. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Jepun yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jepun yang mudah.

UBJ2022 BAHASA JEPUN II

Kursus UBJ 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBJ 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana.

UBP2012 BAHASA PERANCIS I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Perancis. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Perancis yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Perancis yang mudah.

UBP2022 BAHASA PERANCIS II

Kursus UBP 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBP 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana.

UBT2012 BAHASA THAI I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Thai. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Thai yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Thai yang mudah.

UBT2022 BAHASA THAI II

Kursus UBT 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBT 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana.

UBG2012 BAHASA JERMAN I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Jerman. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Jerman yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jerman yang mudah.

UBG2022 BAHASA JERMAN II

Kursus UBG 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBG 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana.

UBS2012 BAHASA SEPANYOL I

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas dan latihan tentang skrip, perkataan dan berbagai bentuk ayat dasar bahasa Sepanyol. Pada peringkat awal ini, pelajar dibimbing untuk menguasai kemahiran bahasa Sepanyol yang paling asas dan didedahkan dengan latihan insentif dalam berkomunikasi secara lisan, juga bertulis. Pelajar akan didedahkan kepada pelbagai situasi bahasa bagi tujuan melatih pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Sepanyol yang mudah.

UBS2022 BAHASA SEPANYOL II

Kursus UBS 2022 adalah tahap kedua, lanjutan kepada UBS 2012. Pada peringkat ini, pelajar dilengkapkan lagi dengan kemahiran-kemahiran bahasa, tambahan kepada asas-asas yang telah dipelajari pada tahap permulaan. Pelajar diberi tambahan kandungan kursus yang sesuai yang akan dapat membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa di tahap sederhana

UBY2012 BAHASA MELAYU I

Kursus ini melatih pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas dan pengalaman di dalam dan luar kelas. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis karangan menggunakan ayat mudah dengan berkesan

UBY2022 BAHASA MELAYU II

Kursus ini melatih pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas dan pengalaman pembelajaran pelajar di

dalam dan di luar kelas. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis menggunakan ayat mudah dengan berkesan.

UBY2032 BAHASA MELAYU III

Kursus ini melatih pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian sama ada secara rasmi dan tidak rasmi. Pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, tugas dan pengalaman di dalam dan luar kelas. Pada akhir kursus ini, pelajar diharapkan dapat berkomunikasi dan menulis karangan menggunakan ayat mudah dan berlapis dengan berkesan.

UBY2042 BAHASA MELAYU DALAM KEUSAHAWANAN

Kursus Bahasa Melayu Dalam Keusahawanan merupakan kursus yang meliputi aspek kemahiran berkomunikasi berkesan dan aspek penulisan dalam bidang keusahawanan. Tumpuan diberikan kepada pengucapan awam dan penggunaan kaedah dan laras bahasa yang betul berkaitan dengan penulisan urusan keusahawanan seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, surat rasmi, memo, laporan dan profil syarikat.

2. KURSUS TERAS KEUSAHAWANAN UNIVERSITI

FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

AFT1013 ASAS KEUSAHAWANAN

Kursus ini bertujuan memperkenalkan pelajar kepada konsep dan teori keusahawanan. Pelajar kepada kemahiran asas pengurusan seperti keupayaan mencerap dan mengenal pasti peluang perniagaan. Pelajar juga akan mempelajari bagaimana penyelidikan dan penilaian perniagaan dilaksanakan di samping mempelajari cara menyediakan dokumen cadangan perniagaan. Selain kuliah, para pelajar juga akan berpeluang untuk merancang dan menjalankan aktiviti perniagaan untuk memberi pengalaman pertama tentang kemahiran perniagaan. Selain itu fungsi pengurusan enterpris kecil dan sederhana dan isu-isu yang berkaitan juga akan dibincangkan. Di akhir kursus pelajar akan memahami dan mengguna pakai pengetahuan mengenai asas keusahawanan dari segi konsep, teori dan sikap serta atribut usahawan yang berjaya.

APT2013 GELAGAT USAHAWAN

Kursus ini disediakan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai gelagat usahawan yang berjaya seperti kreatif, inovatif, toleran tentang risiko ketidakpastian, lokus kawalan dalaman, positif untuk berjaya dan lain-lain. Pelajar juga akan diberi peluang untuk meningkatkan kompetensi keusahawanan diri serta mempamerkan gelagat usahawan yang cemerlang. Kursus ini juga menjadi asas pelajar memahami pemikiran usahawan yang menjana semangat keusahawanan serta gelagat usahawan.

AFT3093 KEUSAHAWANAN KORPORAT

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar kepada konsep dan teori penting dalam bidang keusahawanan korporat. Pelajar akan didedahkan kepada strategi penerapan nilai dan pendekatan keusahawanan dalam sesebuah organisasi korporat. Ia bertujuan supaya pekerja dalam sesebuah organisasi dapat menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam memberikan input kepada organisasi supaya organisasi dapat menjadi lebih kreatif dan

inovatif dalam memberikan input kepada organisasi supaya organisasi korporat dapat membudayakan nilai keusahawanan di kalangan pekerja mereka.

APT3083 KEUSAHAWANAN STRATEGIK

Kursus ini memberi penekanan kepada peranan inovasi terhadap strategi keusahawanan di dalam proses mengenal pasti dan menilai peluang-peluang, strategi baru syarikat, lakaran strategi perancangan, strategi untuk memajukan syarikat dan strategi berkumpulan. Para pelajar akan didedahkan bagaimana strategi keusahawanan dibahagikan kepada beberapa bahagian menerusi kitaran perkembangan sesebuah perniagaan. Oleh itu, hubungan antara keusahawanan dan strategi adalah berkait rapat dengan proses keusahawanan dan strategi.

3. KURSUS TERAS FAKULTI & PROGRAM

FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN

HFT10103 ASAS PENGURUSAN

Kursus ini akan menekankan kepada aspek tugas dan peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan yang berkaitan dengan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan. Di samping itu, kursus ini turut membincangkan tentang prinsip pengurusan seperti pembahagian kerja, autoriti, disiplin dan hal-hal lain yang berkaitan. Pelajar juga akan didedahkan kepada teknik- teknik pengurusan yang cekap serta menilai kebaikan serta keburukan yang ditimbulkan oleh tugas dan peranan pengurusan tersebut. Seterusnya kursus ini juga menyentuh tentang isu-isu pengurusan masa kini dan masa hadapan dalam mencapai kesejahteraan organisasi dan masyarakat umum.

HFT10203 ASAS PERAKAUNAN

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan prinsip-prinsip perakaunan yang meliputi perekodan simpan kira, penyediaan penyata penyesuaian bank, imbalan duga, penyata untung rugi dan kunci kira-kira. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman tentang kepentingan perakaunan kewangan kepada perniagaan.

HFT10303 PEMASARAN DALAM HOSPITALITI DAN PELANCONGAN

Kursus ini mendedahkan para pelajar tentang teori dan kepentingan pemasaran. Kursus ini akan memberi fokus terhadap definisi, konsep, persekitaran, proses dan campuran pemasaran. Strategi pemasaran yang merangkumi strategi produk, strategi harga, promosi, pengedaran serta jualan akan diberi tumpuan dalam kursus ini. Para pelajar juga akan dilatih mengenai kaedah penyediaan perancangan pemasaran. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan pemasaran seperti pemasaran berasaskan elektronik (e-perdagangan) dan pemasaran global juga disentuh. Pendekatan pengajaran melalui kuliah, tutorial, penyelesaian kes pemasaran, ujian, projek pemasaran dan pembentangan projek akan dilaksanakan.

HFT10403 PRINSIP EKONOMI

Kursus ini memberi kefahaman tentang konsep asas ekonomi. Topik yang dibincangkan termasuk teori penawaran dan permintaan, harga keseimbangan pasaran, teori tingkah laku pengguna, kos teori dan firma, pendapatan negara, penawaran dan permintaan agregat, penawaran wang, permintaan wang dan dasar monetari dan polisi fiskal. Kursus ini adalah berkaitan dengan keputusan yang dibuat oleh individu, firma, kerajaan, dan sektor asing untuk menghadapi

kekurangan dengan memperuntukkan sumber-sumber yang kurang secara efisien bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad.

HFT20103 GELAGAT ORGANISASI

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan proses memahami gelagat manusia di dalam sesebuah organisasi; seterusnya memahami tugas pengurus dalam mengetuai dan mengurus individu lain dalam sesebuah organisasi. Penekanan yang mendalam akan diberi bagi mewujudkan pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan melalui pemahaman yang lebih baik mengenai sistem sosial dan budaya organisasi, personaliti, persepsi dan pembelajaran, motivasi, tingkah laku dan kepuasan kerja, kepimpinan, kuasa dan pengaruh, dan penyeliaan. Di akhir kursus ini, pelajar mampu menerangkan konsep, hubungan di antara individu, kumpulan dan organisasi, aktiviti dan isu berkaitan gelagat di dalam organisasi serta mencadangkan penyelesaian tentang masalah yang berkaitan.

HFT20203 STATISTIK PERNIAGAAN

Kursus ini bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan konsep asas statistik dan aplikasi di dalam persekitaran perniagaan. Selain itu, ia membantu pelajar memperoleh pemahaman yang baik mengenai ilmu statistik iaitu apa, bagaimana dan bila untuk menggunakan teknik-teknik statistik di dalam situasi pengurusan dan bagaimana untuk mentafsir keputusan. Topik yang dibincangkan termasuk statistik asas deskriptif, kebarangkalian, pensampelan dan kaedah pengumpulan data, selang keyakinan, pengujian hipotesis, kolerasi, linear regresi dan nombor indeks.

HFT20303 PENGURUSAN KEWANGAN

Kursus ini adalah pengenalan kepada pengurusan kewangan. Ianya dibentuk bagi membolehkan pelajar memahami konsep kewangan. Kursus ini merangkumi topik-topik penyata kewangan, nisbah dan peramalan, nilai masa wang, belanjawan modal, risiko dan pulangan, modal kerja dan pengurusan aset semasa, serta sumber pembiayaan. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengenal pasti konsep, teori dan formula pengurusan kewangan bersesuaian untuk menyelesaikan masalah belanjawan modal, struktur modal dan pengurusan modal kerja dalam organisasi perniagaan. Pelajar juga dapat memaparkan situasi perniagaan menggunakan data dan maklumat yang berkaitan dalam penyata kewangan mengikut standard yang ditetapkan oleh organisasi perniagaan.

HFT40102 PELAJAR DALAM PROGRAM ENTERPRAIS (SIEP)

Program Pelajar dalam Perusahaan (SIEP) merujuk kepada penempatan pelajar secara berkumpulan (SIEP 1) dan individu (SIEP 2) di sesebuah organisasi/syarikat untuk menjalankan pemerhatian dan temu bual yang diselia dalam industry terpilih selama 10 hari semasa cuti panjang pada setiap akhir semester 4 dan 6. Pelajar didedahkan kepada pembelajaran melalui pemerhatian tentang operasi perniagaan, membuat penilaian kritikal tentang aktiviti perniagaan (seperti potensi dan strategi pasaran, pelbagai isu berkait dengan sumber manusia, organisasi, dan tingkah laku pelanggan), dan aspek penyeliaan perniagaan (iaitu tentang pengawasan staf dan peranan kepimpinan).

HPT20103 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada fungsi utama dalam pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah perancangan sumber manusia termasuk pengambilan pekerja, pemilihan, penempatan, orientasi, latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan hubungan perindustrian. Pada akhir kursus, para pelajar boleh menerangkan aspek-aspek pengurusan sumber manusia, mengaplikasikan pengetahuan dan pemahaman dalam pengurusan sumber manusia sebagai asas persediaan menjadi pengurus sumber manusia yang berkesan.

HPT20203 UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Kursus ini bertujuan untuk membincang dan mendedahkan pelajar kepada persekitaran undang-undang dalam perniagaan, struktur perundangan dan fungsi undang-undang dalam komuniti perniagaan. Kursus ini juga menyediakan pengetahuan mengenai pelaksanaan undang-undang yang diguna pakai dalam hubungan perniagaan dan bentuk-bentuk organisasi perniagaan. Aspek-aspek asas yang ditekankan adalah undang-undang kontrak, keperluan perundangan dalam pembentukan syarikat korporat dan perkongsian, agensi, jual-beli, jualan barangan dan instrumen rundingan yang penting dalam membuat keputusan. Undang-undang bagi kontrak perniagaan yang lain seperti pekerjaan, insurans, hubungan penghutang dan pemiutang juga disentuh. Pelajar akan mempelajari bagaimana untuk mengelak masalah mengenai undang-undang dengan mendedahkan mereka kepada undang-undang mengenai perlindungan pengguna, harta industri dan juga intelek. Mempelajari Akta Kontrak 1950, Akta Jualan 1957, Akta Jual beli 1967 dan Akta Tukaran Bil 1949 dan ilustrasi kes-kes akan memberi lebih kefahaman pelajar terhadap kursus ini. Selesai pengajian pelajar akan dapat mengetahui dan memahami prinsip asas undang-undang perniagaan secara komprehensif.

HPT20303 INFORMASI DAN TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN

Kursus ini memberikan gambaran keseluruhan teknologi dan sistem maklumat yang digunakan dalam perniagaan. Ia memberi gambaran bagaimana organisasi menggunakan teknologi maklumat untuk memupuk inovasi dalam perniagaan. Inovasi menghasilkan aplikasi pintar, penyimpanan data yang lebih baik, pemprosesan yang lebih cepat, dan pengagihan maklumat yang lebih luas. Inovasi menjadikan perniagaan berjalan lebih cekap. Inovasi meningkatkan nilai, kualiti dan produktiviti. Ia membantu perniagaan untuk terus berdaya saing di pasaran, mengurus organisasi di peringkat global.

HPT20403 PENGURUSAN ENTERPRAIS

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada proses membentuk perniagaan baru sehinggalah kepada proses peringkat perkembangan dan matang. Antara topik-topik yang akan dibincangkan ialah cara memulakan perniagaan baru, perancangan perniagaan, pengumpulan dan pengurusan sumber, strategi perniagaan, pengurusan harta intelek, perancangan pengambil alihan dan strategi untuk keluar (*exit strategy*) daripada perniagaan. Pada akhir kursus pelajar akan dapat melihat proses evolusi entiti perniagaan dalam konteks yang holistik dan komprehensif.

HPT30103 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenal pasti masalah kajian hingga ke tahap penginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, pensampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan cadangan penyelidikan serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

HPT30203 KESUKARELAWANAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang prinsip asas kesukarelawan, rekabentuk program kesukarelawan, pengurusan sukarelawan dan kesukarelawan pelancongan. Pelajar akan dapat memahami amalan kesukarelawan yang dijalankan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa melalui penglibatan dalam projek dan aktiviti kesukarelawan samada di lapangan mahupun secara maya. Penekanan turut diberikan kepada pembangunan terkini dalam bidang berkaitan kesukarelawan dengan mengambil perhatian tentang isu semasa dan cara penyelesaian. Disamping itu, pelajar dapat memahami nilai-nilai penting yang perlu ada dalam diri seorang sukarelawan termasuk menjalinkan hubungan baik sesama sukarelawan dan komuniti. Selain memupuk semangat

kesukarelawanan, pelajar juga perlu memahami etika dan garis panduan dalam memastikan amalan baik kesukarelawanan dapat dilaksanakan.

HPT30303 INOVASI PRODUK

Kursus ini mempunyai fokus khas terhadap inovasi dan kreativiti dalam sektor hospitaliti dan pelancongan yang memberi tumpuan kepada inovasi di peringkat organisasi. Matlamat utama adalah untuk memberi gambaran yang jelas dan informasi kepada pelajar tentang bagaimana mereka sebagai pengurus dan ahli organisasi mampu mencipta dan mengekalkan inovasi dalam semua aspek di organisasi hospitaliti dan pelancongan. Pelajar juga digalakkan menghasilkan produk inovasi dalam meningkatkan kecekapan pengurusan servis, produk dan proses yang terlibat khususnya dalam industri pelancongan, hospitaliti dan kesejahteraan.

HPT40108 LATIHAN INDUSTRI

Kursus ini bertujuan untuk memberi para pelajar peluang untuk mengalami sendiri aktiviti pekerjaan dan latihan dalam bidang pengurusan, pemasaran, kewangan dan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan industri yang ingin diceburi. Pelajar yang mendaftar kursus ini akan diletakkan di bawah bimbingan seorang penyelia akademik dan pengurus organisasi yang dipilih. Para pelajar akan menjalani latihan industri pada semester terakhir selama 12 minggu. Pada akhir latihan, para pelajar akan menyerahkan laporan tentang pengalaman dan juga aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang latihan industri kepada fakulti. Latihan industri adalah berkait rapat dengan bidang kursus yang para pelajar ikuti di universiti. Setelah selesai menjalani latihan ini, para pelajar diharap dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari melalui latihan serta mempamerkan sikap professional yang bersesuaian dengan bidang yang diceburi. Para pelajar juga dikehendaki untuk membuat pembentangan mengenai pengalaman pembelajaran setelah selesai latihan.

SINOPSIS KURSUS PENGKHUSUSAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PELANCONGAN) DENGAN KEPUJIAN

HTS10103 PENGENALAN KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN

Kursus ini menyediakan pelajar kepada pengetahuan asas tentang industri pelancongan dari perspektif tempatan dan antarabangsa. Ia memberikan gambaran kepada evolusi, skala, skop dan organisasi di dalam industri. Sebagai kursus pengenalan, pelajar akan mempelajari definisi pelancongan, kepelbagaian komponen dalam pelancongan dan impak pelancongan kepada ekonomi, persekitaran politik dan aspek sosio-budaya.

HTS10203 GEOGRAFI PELANCONGAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan asas geografi dunia dan pelancongan. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah konsep dan elemen-elemen geografi, jenis-jenis pelancongan, geografi permintaan dan sumber untuk pelancongan, geografi pengangkutan, iklim, dan ciri-ciri geografi pelancongan di setiap benua. Selepas mengikuti kursus ini pelajar mampu menerangkan konsep, elemen geografi pelancongan dan ciri-ciri geografi sesebuah destinasi pelancongan.

HTS20103 PENGURUSAN PENGEMBARAAN DAN PERJALANAN

Kursus ini direka untuk memberi pengetahuan mengenai pengurusan sesebuah agensi pelancongan dengan memperkenalkan langkah dan syarat penubuhan. Agensi pelancongan berfungsi sebagai perantara penting dalam industri pelancongan. Oleh itu, pelajar akan diberi asas teori dan prinsip pengurusan pelancongan dengan berkesan. Mereka juga akan melibatkan diri dalam aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran operasi mereka terutamanya dalam pembangunan pakej pelancongan dan kecekapan pengendalian pengembaraan.

HTS20203 PENGURUSAN ACARA

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada prinsip dan fungsi pengurusan acara. Rangka kerja konseptual akan dibangunkan melalui definisi, model, dan penggunaan kajian kes. Pelajar akan mempelajari tentang cara merangka strategi acara pelancongan untuk sesebuah destinasi. Perancangan, pembangunan, pengurusan, dan pelaksanaan untuk sesebuah acara perayaan, hiburan, korporat, kebudayaan, sukan akan menjadi tumpuan kajian. Pelajar juga mempunyai peluang untuk menjadi sukarelawan dan mengambil bahagian dalam penganjuran acara sepanjang mengikuti kursus ini.

HTS30103 PENGURUSAN RESORT DAN TARIKAN PENGUNJUNG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan tarikan pengunjung dan resort yang terdapat di dalam dunia. Kursus ini akan membincangkan jenis-jenis tarikan pengunjung dan resort, peranan utama, amalan operasi dan pengurusan serta cabaran masa depan yang bakal dihadapi oleh industri tarikan pengunjung dan resort.

HTS30203 PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan proses perancangan dalam pembangunan pelancongan secara menyeluruh. Antara topik-topik yang diberi keutamaan adalah seperti pendekatan asas dalam perancangan pelancongan, peringkat dalam perancangan pelancongan, polisi pelancongan asas dan proses perancangan, pendekatan perancangan strategik dalam pembangunan pelancongan dan tipologi penyertaan awam dalam proses perancangan. Tambahan pula, kursus ini juga merangkumi perancangan asas dan pendekatan pembangunan pelancongan yang terdapat pada masa ini dan menilai secara kritikal proses-proses dan mengajukan jalan penyelesaian bagi memastikan pertumbuhan pelancongan yang sihat.

HTS30303 EKOPELANCONGAN

Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas mengenai ekopelancongan dari perspektif tempatan dan antarabangsa. Ia memberikan gambaran mengenai konsep, prinsip dan amalan, evolusi, ekopelancongan sebagai produk. Pelajar akan mempelajari definisi dan kriteria ekopelancongan, aktiviti ekopelancongan, ekonomi, aktiviti dan pengurusan ekopelancongan dan kesan ekopelancongan kepada ekonomi, politik, sosio-budaya dan masyarakat setempat.

HTS40103 PELANCONGAN BUDAYA DAN WARISAN

Kursus ini direka untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan tentang kebudayaan dan warisan dalam bidang pelancongan sebagai salah sebuah kursus akademik. Ia bermula dengan memahami maksud warisan yang meliputi bidang-bidang utama pengurusan seperti pembangunan produk, permintaan terhadap sumber warisan dan kebudayaan, kewangan dan pemasaran serta proses pemuliharaan. Kursus ini juga melihat kepada pembacaan pelajar dan penyertaan di dalam bilik kuliah. Setiap pelajar akan diberikan pelbagai topik perbincangan yang akan disusuli dengan komentar dan soalan.

HTA40103 PENGURUSAN PERJALANAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA

Kursus ini direka khas bagi pelajar yang ingin meneruskan kerjaya dalam industri pelancongan domestik dan antarabangsa yang sedang berkembang pesat. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan membiasakan para pelajar dengan perkhidmatan penumpang, peranan agensi pelancongan, pejabat penerbangan dan sebagainya. Kurikulum turut memberi fokus kepada semua aspek yang berkaitan dengan pengurusan perjalanan domestik dan antarabangsa. Di akhir kursus ini, para pelajar akan melihat diri mereka lebih dekat dengan kerjaya pengurusan profesional dalam sektor perkhidmatan global terbesar terutama dalam sektor pengembaraan dan pelancongan.

HTA40203 MESYUARAT, INSENTIF, KONVENSyen DAN PAMERAN (MICE)

Kursus ini bertujuan untuk memenuhi keperluan industri dengan menyediakan kursus yang membolehkan pelajar berdaya saing dan terlibat secara global dalam penganjuran acara profesional dan usaha sama antarabangsa. Subjek ini akan mendedahkan pelajar kepada teori dan praktikal yang diguna pakai dalam mengurus dan membangunkan konsep MICE. Selain itu, amalan penganjuran acara komersial bertaraf antarabangsa yang berkaitan dengan penggunaan konsep MICE selaras dengan garis panduan profesional akan didedahkan kepada pelajar melalui tugas-tugas yang dirangka khususnya yang mewajibkan pelajar menguruskan acara peringkat antarabangsa menggunakan konsep MICE.

HTA40303 PEMBANGUNAN PERNIAGAAN UNTUK RESORT DAN TARIKAN PENGUNJUNG

Kursus ini memberi tumpuan kepada pembangunan industri resort dan tarikan pengunjung yang sangat kompetitif. Kursus ini memberi penekanan terhadap pembangunan perniagaan, perancangan, kajian kelayakan, sumber manusia, pemasaran dan aspek pengurusan kewangan. Kursus ini akan menerokai kerumitan masalah ekonomi, politik, sosial dan alam sekitar yang mempengaruhi industri melalui gabungan kajian kes amalan terbaik dan simulasi.

HTB30103 PENGURUSAN REKREASI DAN SENGGANG

Kursus ini menyediakan pelajar dengan ilmu mengurus, mengawal dan bertanggungjawab serta kepimpinan dalam pelbagai agensi pengurusan senggang dan rekreasi. Selain itu, ia merangkumi prinsip asas perniagaan yang diperlukan untuk memastikan kejayaan perniagaan dalam pelancongan dan rekreasi dengan mengambil kira operasi rekreasi persendirian dalam tanah milik awam. Perbincangan dan penyertaan pelajar adalah diberi penekanan.

HTB30203 KONSEP DAN TREND DALAM PELANCONGAN

Kursus ini membincangkan pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan konsep dan trend yang berlaku dalam industri pelancongan. Ini termasuklah konsep umrah dan ziarah, perjalanan ibadah (*pilgrimage*), pelancongan angkasa, gender, sukan lasak, pertandingan sukan, konsep jaringan pelancongan dan juga pelancongan pelayaran. Kursus ini dikendalikan dalam bentuk seminar di mana pelajar dikehendaki menerokai dan membentangkan isu atau trend tersebut.

HTB40103 SEMINAR KEUSAHAWANAN DALAM PELANCONGAN

Kursus ini dirangka untuk melatih pelajar melengkapkan diri dengan kemahiran penyampaian (*presentation*) dan penghasilan laporan kajian. Ia dapat membantu pelajar melengkapkan diri dengan kemahiran pengurusan global. Kursus ini memfokuskan kepada tiga bahagian; penulisan laporan atau artikel, penyampaian, dan komunikasi secara lisan.

HTB40203 GELAGAT PENGGUNA DALAM PELANCONGAN

Kursus ini direkabentuk untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai gelagat pengguna dalam industri pelancongan. Ia menerangkan kepentingan organisasi pelancongan untuk memahami permintaan pelanggan untuk berjaya dalam perniagaan. Kursus ini juga membincangkan cara membuat keputusan dalam penggunaan produk dan perkhidmatan pelancongan. Ia menonjolkan aspek tertentu seperti pengaruh sosial dan budaya kepada gelagat pengguna dalam pelancongan. Topik-topik lain yang akan dibincangkan termasuklah permintaan pelancongan dan pasaran, penggunaan pascamoden bagi perkhidmatan dalam pelancongan serta kualiti dan kepuasan pelancong.

HTB40303 PEMBANGUNAN PRODUK PELANCONGAN

Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan pelbagai konsep pembangunan produk pelancongan daripada perspektif tempatan dan antarabangsa. Ia mendefinisikan produk pelancongan dan mengenalpasti potensi suatu produk pelancongan yang akan dibangunkan. Kursus ini juga membincangkan langkah dan kaedah pembangunan produk pelancongan serta strategi pemasaran yang bersesuaian. Isu dan cabaran berkaitan juga akan dianalisis.

HTP30102 PROJEK PENYELIDIKAN PELANCONGAN (I)

HTP40103 PROJEK PENYELIDIKAN PELANCONGAN (II)

Kursus ini merupakan kerja penyelidikan pelancongan yang bertujuan untuk memberikan pengalaman secara '*hands-on*' terhadap proses menjalankan penyelidikan. Kursus ini akan dijalankan selama dua (2) semester. Setiap projek penyelidikan akan diselia oleh seorang pensyarah yang akan dilantik bersesuaian dengan tajuk bidang penyelidikan pelajar. Penilaian akan dibuat berdasarkan kualiti projek penyelidikan pelancongan yang dihasilkan, pembentangan hasil kajian dan komitmen pelajar.

SINOPSIS KURSUS PENGKHUSUSAN PROGRAM SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (HOSPITALITI) DENGAN KEPUJIAN

HHS10103 PENGENALAN KEPADA INDUSTRI HOSPITALITI

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada fungsi-fungsi utama dalam industri hospitaliti. Di antara tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah sejarah industri hospitaliti dan industri penginapan semasa, hak milik dan pengurusan penginapan, operasi pejabat, khidmat pelanggan, kejuruteraan dan keselamatan, operasi penyediaan makanan dan minuman, pemasaran dan jualan dan pengurusan pentadbiran.

HHS20203 ASAS PRAMUSAJI

Pramusaji adalah untuk memberi pelajar pemahaman tentang perkhidmatan berkualiti yang diukur oleh standard industri hospitaliti dunia hari ini. Dalam kursus ini pelajar akan mempelajari cara yang berkesan dan cekap untuk menggunakan sumber yang tersedia serta penerapan teknologi untuk pengurusan transaksi dalam perkhidmatan makanan & minuman. Pelajar juga akan mendapat pemahaman mengenai pelbagai jenis perkhidmatan dan dinamik makanan dalam pelbagai gaya restoran dan pertubuhan.

HHS20303 ASAS MASAKAN

Kursus ini direka untuk menyediakan pelajar dengan gambaran keseluruhan berkaitan dengan asas pengendalian dan pengurusan perkhidmatan makanan dalam menyokong industri hospitaliti. Dalam konteks ini, pelajar akan memahami reka bentuk menu restoran, kemudahan restoran, peralatan dapur dan hiasan dalaman serta kebersihan makanan dan keselamatan makanan. Ia juga adalah satu kajian menyeluruh mengenai prinsip-prinsip dan teknik asas yang terlibat dalam penyediaan makanan.

HHS30403 PENGURUSAN DIVISIYEN BILIK

Kursus ini memperkenalkan pendekatan yang sistematik dalam membangun pengetahuan secara teori yang diperlukan untuk menguruskan operasi pengemasan dan kaunter hadapan. Kursus ini menyediakan pemahaman yang mendalam tentang pengurusan penginapan dari tempahan tetamu ke penerimaan / ketibaan, perkhidmatan pengemasan dan penyelenggaraan, keselamatan tetamu dan keselamatan dan pelepasan tetamu.

HHS30503 PENGURUSAN MAKANAN DAN MINUMAN

Kursus ini memperkenalkan konsep makanan dan minuman dalam industri pelancongan dan hospitaliti. Termasuk dalam pembelajaran kursus ini ialah prinsip asas perkhidmatan makanan untuk diaplikasikan dalam industri pelancongan dan hospitaliti. Kursus ini juga akan membantu pelajar dalam memahami prinsip asas penyediaan makanan dan minuman.

HHS40603 PEMBANGUNAN PROFESIONAL DALAM HOSPITALITI

Kursus ini direka bentuk untuk membantu para pelajar agar lebih bersedia bagi menghadapi dunia pekerjaan dengan meningkatkan pembangunan profesional dan kemahiran kepimpinan. Dalam konteks ini, pelajar akan dilengkapi dengan kemahiran dan pengalaman untuk mencari peluang pekerjaan dan pengurusan kerjaya yang berkesan berdasarkan kemahiran dan keperluan individu.

HHS30703 PENGURUSAN HALAL DALAM HOSPITALITI

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada kawalan kualiti makanan, pengurusan kualiti menyeluruh (TQM) dan pengurusan keselamatan makanan dalam industri makanan. Ia merangkumi kajian organisasi, fungsi, operasi dan pengurusan industri hospitaliti. Kursus ini akan membincangkan pelbagai aspek dalam penghasilan makanan halal untuk perniagaan bidang hospitaliti. Kursus ini juga merangkumi garis panduan mengenai standard halal, pembangunan sistem kualiti, pensijilan dan penggunaan logo halal. Keperluan nasional dan antarabangsa dalam perdagangan makanan halal juga akan diketengahkan.

HHS30803 PENGURUSAN KAUNTER HADAPAN

Kursus ini merupakan salah satu pendekatan sistematik yang melibatkan prosedur kaunter hadapan; tempahan; daftar masuk; daftar keluar dan pembayaran. Kursus ini juga membolehkan pelajar mempraktikkan penggunaan sistem yang akan diaplikasikan menerusi kelas praktikal.

HHS10903 PENGURUSAN RESTORAN

Kursus ini menyediakan gambaran kepada para pelajar mengenai senario dan konsep pengurusan restoran dan kepentingannya dalam industri hospitaliti. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai konsep dan strategi untuk memulakan perniagaan restoran. Kursus ini juga merangkumi isu yang relevan bagi perniagaan restoran termasuk perancangan menu, operasi harian, pemasaran dan khidmat pelanggan.

HHB30203 PENGAWALAN KOS MAKANAN DAN MINUMAN

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar mengenai asas pengawalan kos dalam operasi perniagaan makanan dan minuman. Ianya membantu pelajar untuk memberi perhatian yang sewajarnya terhadap kepentingan pengawalan kos dalam memaksimumkan pendapatan organisasi berkaitan secara keseluruhan. Pelajar juga akan mempelajari definisi terma penting dan asas menganalisis pengawalan kos makanan dan minuman. Ianya juga membincangkan kepentingan pengawalan pembelian, penerimaan, penyimpanan dan aktiviti pengeluaran. Kursus ini juga menerangkan pelbagai isu dan cabaran dalam menguruskan perniagaan makanan dan minuman dan melatih pelajar dengan ilmu dan kepakaran dalam menguruskan operasi sesebuah perniagaan yang berkaitan.

HHB30303 PENGURUSAN FASILITI

Kursus ini memperkenalkan pelajar mengenai konteks perancangan fasiliti. Kursus ini juga secara asasnya akan mendedahkan pelajar tentang langkah- langkah untuk membina dan menyediakan kemudahan fasiliti dalam bidang hospitaliti. Pada akhir kursus ini, para pelajar mampu untuk menerangkan kepelbagaian kemudahan dalam industri perancangan dan hospitaliti.

HHB40403 JUALAN DAN PERHUBUNGAN AWAM

Kursus ini mendedahkan para pelajar terhadap kefahaman prinsip-prinsip dalam jualan dan perhubungan awam. Kursus ini juga memperkenalkan pelajar tentang aspek utama berkaitan dengan teknologi terkini dan pembangunan yang berkaitan dengan aktiviti dalam perhubungan awam.

HHB30503 PEMBANGUNAN PRODUK HOSPITALITI

Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan pelbagai konsep pembangunan produk pelancongan dan hospitaliti yang diambil daripada perspektif tempatan dan antarabangsa. Ia mendefinisikan produk pelancongan dan mengenal pasti bagaimana produk-produk tersebut dibangunkan. Kursus ini juga membincangkan keperluan untuk memasarkan produk hospitaliti secara berkesan dengan menjelaskan penglibatan pelbagai komponen pelancongan seperti industri pelancongan dan sektor hospitaliti. Aspek-aspek dalam membangunkan produk dan perkhidmatan hospitaliti dan strategi menentukan harga, strategi jualan dan promosi turut diperkenalkan.

HHB30603 PENGURUSAN RESTORAN & PERKHIDMATAN MAKANAN

Kursus ini direka untuk menyediakan pelajar dengan gambaran keseluruhan berkaitan dengan asas pengendalian dan pengurusan perkhidmatan makanan dalam menyokong industri hospitaliti. Dalam konteks ini, pelajar akan memahami reka bentuk menu restoran, kemudahan restoran, peralatan dapur dan hiasan dalaman serta kebersihan makanan dan keselamatan makanan. Ia juga adalah satu kajian menyeluruh mengenai prinsip-prinsip dan teknik asas yang terlibat dalam penyediaan makanan.

HHB30703 BUDAYA DAN WARISAN MAKANAN

Kursus ini diperkenalkan kepada para pelajar mengenai budaya dan warisan makanan. Ia bertujuan untuk menyediakan maklumat umum terkini mengenai budaya, makanan, dan tabiat pemakanan kaum yang paling umum di seluruh Asia. Ia direka untuk membantu pelajar dalam memahami pembelajaran untuk bekerja dengan berkesan dengan ahli-ahli kumpulan etnik dan agama yang berbeza dalam cara yang sensitif budaya. Kursus ini meliputi liputan

komprehensif kumpulan kaum, agama, dan serantau Asia utama termasuk penduduk di wilayah iaitu Asia Tengah, Asia Timur, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat.

HHB30803 PENGURUSAN HOSPITALITI

Kursus ini bertujuan meneroka operasi hospitaliti dan menyelidik isu-isu yang relevan dengannya. Kursus ini memperkenalkan jenis, sistem dan konsep pengurusan operasi hospitaliti seperti hotel, resort dan spa, perkhidmatan kondominium, chalet, homestay dan pelbagai jenis operasi lain. Konsep pengurusan termasuk pejabat dan fungsi pengurusan penginapan, sistem penempahan, khidmat pelanggan, jualan dan perubahan trend (emerging trends) dalam industri hospitaliti juga akan diperkenalkan.

HHB40903 KONSEP DAN TREND DALAM HOSPITALITI

Kursus ini membincangkan pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan konsep dan trend yang berlaku dalam industri restoran. Pelajar akan didedahkan dengan konsep dan trend dalam hospitaliti termasuk fungsi, perkhidmatan dan pengurusan yang mengikut trend semasa.

HHB41003 SEMINAR KEUSAHAWANAN HOSPITALITI

Kursus ini memfokuskan kepada tiga bahagian iaitu penulisan laporan atau artikel, penyampaian, dan komunikasi secara lisan. Kursus ini juga dirangka untuk melatih pelajar melengkapkan diri dengan kemahiran “*soft skills*” dan membantu pelajar melengkapkan diri dengan kemahiran pengurusan seminar dalam konteks pelancongan dan hospitaliti.

HHB41103 PENULISAN MAKANAN

Kursus ini memperkenalkan pelajar terhadap jenis penulisan makanan dan pengetahuan tentang makanan dan cara menggayakannya. Kursus ini akan membincangkan aspek penuh penulisan makanan seperti ulasan restoran, blog makanan, artikel majalah, resipi, ulasan sosial dan budaya, destinasi, dan sejarah makanan. Kursus ini juga memberikan pemahaman yang lebih baik terhadap gaya kemahiran penulisan yang berbeza.

HHB41203 PENGURUSAN KELAB

Kursus ini bertujuan memberi gambaran kepada para pelajar berkaitan dengan senario dan konsep pengurusan kelab dan kepentingannya dalam menyokong industri hospitaliti. Kursus ini menghuraikan pemasaran kelab, aspek sumber manusia serta latihan dan pembangunan profesional bagi sesebuah kelab. Ia juga memaparkan strategi pengekalan keahlian dan pengurusan aktiviti-aktiviti rekreasi dalam suasana kelab. Topik-topik lain yang akan dibincangkan termasuklah kualiti perkhidmatan bagi sesebuah kelab dan pengurusan hiburan dalam industri kelab.

HHB41303 GELAGAT PENGGUNA DALAM HOSPITALITI

Kursus ini direka bentuk untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai gelagat pengguna dalam industri hospitaliti. Ia menerangkan kepentingan organisasi hospitaliti untuk memahami permintaan pelanggan untuk berjaya dalam perniagaan. Kursus ini juga mendedahkan pelajar mengenai kaedah membuat keputusan dalam penggunaan produk dan perkhidmatan hospitaliti. Ia menonjolkan aspek tertentu seperti pengaruh sosial dan budaya kepada gelagat pengguna dalam hospitaliti. Topik-topik lain yang akan dibincangkan termasuklah permintaan pelancongan dan pasaran serta kualiti dan kepuasan pelancong.

HHP30102 PROJEK PENYELIDIKAN HOSPITALITI (I)

HHP40103 PROJEK PENYELIDIKAN HOSPITALITI (II)

Kursus ini merupakan kerja penyelidikan hospitaliti yang bertujuan untuk memberikan pengalaman secara ‘*hands-on*’ terhadap proses menjalankan penyelidikan. Kursus ini akan dijalankan selama dua (2) semester. Setiap projek penyelidikan akan diselia oleh seorang pensyarah yang akan dilantik bersesuaian dengan tajuk bidang penyelidikan pelajar. Penilaian akan dibuat berdasarkan kualiti projek penyelidikan hospitaliti yang dihasilkan, pembentangan hasil kajian dan komitmen pelajar.

SINOPSIS KURSUS PENGKHUSUSAN PROGRAM SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (KESEJAHTERAAN) DENGAN KEPUJIAN

HWT10103 PENGENALAN KEPADA INDUSTRI KESEJAHTERAAN

Kursus ini memfokuskan mengenai hubung kait antara perniagaan dan industri kesejahteraan. Ia memberi pengenalan secara mendalam terhadap skop berkaitan perniagaan dan industri kesejahteraan. Kursus ini membantu pelajar untuk memahami, mendapatkan pengetahuan serta mengetahui elemen-elemen yang berkaitan dengan industri kesejahteraan seperti peluang yang terdapat di dalam industri ini, struktur penjagaan kesihatan, cabaran-cabaran berkaitan penjagaan kesihatan, pemain utama serta agensi kerajaan yang terlibat di dalam industri ini.

HWT10203 PENGENALAN KEPADA ANATOMI DAN FISILOGI MANUSIA

Kursus ini direka bentuk untuk mendedahkan pelajar kepada konsep dan prinsip dalam anatomi dan fisiologi manusia. Pelajar akan dilengkapi dengan pengetahuan asas tentang fungsi sistem badan dan keadaan patofisiologi penyakit. Pelajar akan didedahkan kepada perkhidmatan kesejahteraan yang ada dan kepentingan pengetahuan kesihatan yang berkaitan dalam bidang ini.

HWT20103 AMALAN MAKANAN DAN PEMAKANAN

Kursus ini memberi gambaran tentang dimensi pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan. Konsep asas dan aplikasi pemakanan untuk semua aspek demi kehidupan yang sihat juga diterapkan. Pelajar akan diperkenalkan dengan keperluan zat dan kepentingannya terhadap kesihatan serta aplikasi dalam diet khas untuk setiap peringkat usia.

HWT20203 PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Kursus ini mengkaji prinsip-prinsip, amalan, penggunaan dan hasil terapi pelengkap dan penyembuhan alternatif. Ia memberikan gambaran keseluruhan bidang, ulasan sistem penyembuhan alternatif terpilih, dan memberi tumpuan kepada kaedah penyembuhan tertentu yang digunakan secara meluas dalam populasi umum di Malaysia seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan kenabian, perubatan tradisional Cina, homeopati, ayuverda, akupunktur, refleksologi, naturopati, hidroterapi, urutan penyembuhan, osteopati, kiropraktik, dan banyak lagi. Pelajar akan belajar untuk menggunakan kriteria berasaskan bukti untuk menilai risiko dan faedah terapi pelengkap terpilih. Integrasi antara amalan perubatan alternatif dan konvensional termasuk isu-isu etika, undang-undang dan profesional akan diterokai seperti Dasar Kebangsaan pada TCM berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia.

HWT30103 PENGURUSAN FASILITI KESEJAHTERAAN

Kursus ini direka bentuk untuk mengurus fasiliti kesejahteraan secara berkesan. Ia memberi tumpuan kepada fasiliti dalam rumah penjagaan kesihatan, pusat sukan, pusat kecantikan dan spa serta kelab kesihatan.

HWT30203 KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kursus ini menyediakan gambaran menyeluruh dan terkini mengenai bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta isu-isu yang dihadapi masa kini. Pelajar akan didedahkan dengan topik keselamatan dan kesihatan pekerjaan termasuk teori-teori berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, undang-undang dan peraturan keselamatan, bahan berbahaya, keselamatan pekerja, dan standard piawai rekod pencatatan Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan (OSHA).

HWS30104 PENGURUSAN OPERASI SPA

Kursus ini memberi gambaran menyeluruh mengenai dunia pengurusan spa serta fenomena pertumbuhan antarabangsa. Pelajar akan melihat kesemua aspek pengurusan spa dari pengurusan sumber manusia dan latihan sehingga ke aspek pemasaran dan kewangan. Kursus ini juga menyediakan panduan yang baik kepada bakal pengurus spa yang mana mereka akan melihat semua aspek kejayaan menguruskan kemudahan spa. Pelajar akan didedahkan dengan tingkah laku pengguna industri spa, perkhidmatan dan reka bentuk spa, serta perniagaan spa yang merangkumi pemasaran, operasi, kewangan dan latihan dan trend masa hadapan untuk industri spa.

HWS30203 PEMBANGUNAN STRATEGIK SPA

Kursus ini memperkenalkan asal usul dan sejarah rawatan spa. Ia menerangkan amalan terapi menggunakan konsep spa dan faedahnya kepada kesihatan. Ia juga mengandungi maklumat mengenai konsep-konsep atau tema yang berbeza spa di pasaran. Kursus ini menekankan lebih kepada aspek pengurusan kemudahan spa yang termasuk etika, skop amalan, perkhidmatan, pemasaran, serta undang-undang yang berkaitan. Ia juga akan menyediakan aspek praktikal dalam mengendalikan dan menguruskan kemudahan spa serta terapi spa tertentu.

HWS30304 RAWATAN KECANTIKAN

Kursus ini menyediakan pelajar untuk menjadi terlatih dalam industri kesejahteraan yang memfokuskan bidang kecantikan dan kesihatan. Pelajar akan didedahkan dengan rawatan kecantikan terkini seperti penjagaan dan perawatan kulit muka dan badan. Kursus ini akan menggabungkan teori dan aspek praktikal untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan kecantikan.

HWS40103 PERHUBUNGAN KORPORAT DALAM SEKTOR SPA

Kursus ini menekankan perancangan strategik dan pengurusan komunikasi, membina hubungan dan reputasi. Pengamal perhubungan awam yang berkesan memerlukan pengetahuan yang luas mengenai komunikasi, mengetahui bagaimana media berfungsi, memahami strategi, sensitif terhadap budaya dan mempunyai pelbagai kemahiran menulis, visual dan audio. Pelajar akan mendapat pemahaman yang mendalam tentang penulisan, komunikasi dalam persekitaran perniagaan, penajaan dan promosi, komunikasi dalaman, media sosial dan berkomunikasi dengan pelbagai audiens dan pengguna dari latar belakang yang berbeza.

HWS40204 TERAPI DAN URUTAN SPA

Kursus terapi dan urutan spa dirangka untuk menyediakan pelajar sepenuhnya bagi menyumbang kepada industri kesihatan dan kesejahteraan pelanggan. Kursus ini menawarkan kurikulum yang komprehensif dan juga menyediakan pengetahuan asas alatan, etika dan tingkah laku yang diperlukan bagi menjadi juru terapi urutan dalam pelbagai jenis penjagaan kesihatan dan kesejahteraan. Pelajar akan mendapat kecekapan dalam semua aspek urutan, termasuklah anatomi dan fisiologi, aplikasi terapeutic, diagnosis dan modaliti.

HWF30104 KECERGASAN FIZIKAL

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aplikasi praktikal dalam mengendalikan sesi latihan kumpulan dengan pergerakan yang berkesan dan kaedah bersesuaian yang boleh menggalakkan individu bersenam. Kursus ini juga menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam persekitaran pembelajaran yang selamat di mana mereka akan membangunkan prestasi dan kemahiran mengajar mereka. Kursus ini dapat membangunkan satu sumber untuk pembelajaran kecergasan fizikal dan pelajar dapat bekerjasama dengan satu pasukan untuk membina dan melaksanakan rutin pergerakan harian.

HWF30203 FISILOGI SENAMAN

Kursus ini akan menekankan kepada aspek pengenalan dan pengetahuan asas fisiologi senaman. Di samping itu, pelajar akan diperkenalkan dengan kaedah senaman regangan yang betul berserta dengan praktikal senaman tersebut. Seterusnya, kursus ini menyentuh serba sedikit tentang faedah bersenam secara berterusan serta kesan bila berhenti bersenam.

HWF30304 PERNIAGAAN SUKAN

Kursus ini direka bentuk untuk membantu pelajar memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang pemasaran sukan dengan mengkaji campuran pemasaran produk, harga, tempat, dan promosi. Kursus ini juga memfokuskan kepada penyelidikan pemasaran, strategi pemasaran, segmentasi pasaran, penjenamaan, penajaan, pelesenan acara, pemasaran sukan global, dan perhubungan awam.

HWF40103 LATIHAN PERIODISASI

Kursus ini akan menekankan kepada perancangan sistematik latihan olahraga atau fizikal untuk mencapai prestasi terbaik dalam persaingan yang paling penting. Di samping itu, pelajar akan diperkenalkan dengan kitaran progresif dari pelbagai aspek program latihan dalam tempoh tertentu. Seterusnya, kursus ini membahagikan program mengikut peringkat latihan dan matlamat yang berbeza.

HWF40204 SUAIAAN FIZIKAL

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang teknik praktikal asas yang berhubung rapat dengan suaian fizikal seseorang. Pelajar akan melakukan teknik serta mempelajari konsep dan teori berkaitan anatomi dan mekanik yang menyokong kemahiran yang digunakan oleh jurulatih. Latihan praktikal akan dibuat dalam bentuk kumpulan yang lebih kecil untuk membolehkan pelajar meneroka dan memahami topik dan kemahiran dengan lebih baik.

HWP30102 PROJEK PENYELIDIKAN (I)**HWP40103 PROJEK PENYELIDIKAN (II)**

Kursus ini merupakan kerja penyelidikan penjagaan kesihatan yang bertujuan untuk memberi pengalaman secara 'hands-on' terhadap proses menjalankan penyelidikan. Kursus ini akan dikendalikan dalam dua semester berturutan. Pelajar dikehendaki mengenal pasti tajuk bidang penyelidikan yang bersesuaian dan berkaitan dengan industri ini. Aktiviti projek penyelidikan ini akan diselia oleh pensyarah yang akan dilantik. Proses dan hasil penyelidikan bentangkan dalam bentuk laporan yang ditetapkan. Penilaian akan dibuat berdasarkan kualiti projek penyelidikan yang dihasilkan, pembentangan hasil kajian dan komitmen pelajar.

SINOPSIS KURSUS KO-KURIKULUM PUSAT KO-KURIKULUM

PENDAFTARAN KURSUS KO-KURIKULUM

Pendaftaran bagi kursus-kursus akan dibuat oleh mahasiswa/i pada setiap semester lazim iaitu semester I dan semester II pada setiap sesi akademik. Setiap mahasiswa/i di tahun pertama yang berdaftar sebagai siswa/siswi Universiti Malaysia Kelantan adalah diwajibkan mendaftar kursus-kursus ko-kurikulum berkecualan seperti yang ditawarkan oleh pihak Pusat Ko-Kurikulum, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Kelantan.

Setiap mahasiswa/i UMK diwajibkan mendaftar dua (2) kursus ko-kurikulum berjumlah dua (2) jam kredit pada sesi pengajian tahun pertama mereka di UMK (semester 1 mendaftar satu kursus ko-kurikulum yang membawa nilai jam kredit sebanyak 1 jam kredit dan semester II mendaftar satu kursus ko-kurikulum yang membawa nilai jam kredit 1 jam kredit)

Setiap mahasiswa perlu mendaftar dua (2) kombinasi kursus ko-kurikulum yang berbeza dalam sesi pengajian tahun pertama dan perlu lulus di dalam dua (2) kursus yang berjumlah dua (2) jam kredit untuk membolehkan mahasiswa/i bergraduasi sebagai graduan Universiti Malaysia Kelantan dengan dianugerahkan ijazah sarjana muda.

Setiap mahasiswa perlu mendaftar dua (2) kombinasi kursus ko-kurikulum yang berbeza dalam sesi pengajian tahun pertama dan perlu lulus di dalam dua (2) kursus yang berjumlah dua (2) jam kredit untuk membolehkan mahasiswa/i bergraduasi sebagai graduan Universiti Malaysia Kelantan dengan di anugerahkan Ijazah Sarjana Muda.

Setiap mahasiswa hanya dibenarkan mendaftar satu (1) kursus ko-kurikulum yang berjumlah satu (1) jam kredit pada setiap semester lazim.

SINOPSIS KURSUS

A. SUKAN

UKS1011 BOLA JARING

Mata pelajaran bola jaring merupakan mata pelajaran yang menekankan kepada pelajar tentang undang-undang dan peraturan permainan bola jaring. Di samping itu, pelajar juga diberikan tumpuan tentang kemahiran-kemahiran asas bola jaring khususnya dari segi teknik yang betul. Pelajar juga didedahkan pendekatan untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik dan berkeyakinan terhadap diri sendiri dengan pendedahan pengajaran kejuruan.

UKS1021 BOLA SEPAK

Permainan bola sepak memberi peluang kepada para pelajar dalam mengenali sejarah bola sepak, peraturan dan undang-undang yang sepatutnya di dalam sesuatu perlawanan mahupun permainan. Di samping itu, peralatan dan pakaian yang sepatutnya juga diketengahkan. Aspek-aspek kecergasan, regangan dan kemahiran yang meliputi teknik, teori serta amali juga turut diajar dalam subjek ini.

UKS1031 BOLA TAMPAR

Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar mengenai permainan bola tampar sama ada dari aspek teori dan praktikalnya, di samping itu aspek sejarah dan perkembangan sukan ini turut disentuh. Etika dan peraturan dan undang-undang permainan juga diterapkan kepada para pelajar selain itu, tayangan video sebagai satu kaedah untuk para pelajar dapat menganalisis sesuatu perlawanan dalam permainan bola tampar.

UKS1041 BADMINTON

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar-pelajar bagaimana bermain badminton dengan betul. Asas-asas kepada kemahiran bermain badminton. Kursus ini melibatkan pelajar dengan latihan bermain dan menganjur serta mengendalikan suatu pertandingan kecil.

UKS1051 BOLA BALING

Permainan bola baling adalah suatu permainan yang baru, ini kerana bola baling adalah gabungan teknik dari permainan-permainan lain seperti Hazana dan Tauball serta kebanyakan kemahiran bola jaring, bola sepak dan bola keranjang. Kemahiran utama bola baling adalah menggunakan tangan kecuali penjaga gol.

UKS1061 BOLA LISUT

Kursus ini menyentuh tentang sejarah permainan, peralatan permainan bola lisut. Ia juga turut membincangkan tentang syarat-syarat dan peraturan permainan. Bola lisut sebagai asas pembentukan kerja berpasukan. Selain itu, aspek teori dan praktikal dilaksanakan secara untuk memberi kefahaman kepada pelajar mengenainya.

UKS1071 GOLF

Dalam kursus ini penerangan akan diberikan mengenai sejarah permainan golf, peralatan, dan kaedah permainan, istilah-istilah dan sistem permainan golf. Latihan praktikal diberi untuk melihat dan menilai tahap kecergasan dan kemahiran pelajar. Contohnya seperti latihan teknik pukulan.

UKS1081 TENIS

Kursus ini meliputi sejarah permainan tenis, pengenalan peralatan, gelanggang dan undang-undang permainan, mengetahui latihan dan teknik permainan serta semangat berpasukan dalam pengelolaan pertandingan / projek.

UKS10901 PETANQUE

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada ilmu sukan petanque dari segi kemahiran, teori dan teknikal. Dari segi teori, kursus ini lebih menjurus kepada sejarah, latar belakang, terminologi, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan petanque. Manakala dari segi teknikal, kursus ini lebih menumpukan kepada latihan amali (*practical*) dari segi kemahiran bermain petanque.

UKS 11001 FUTSAL

Kursus ini meliputi sejarah permainan futsal, pengenalan peralatan, gelanggang dan undang-undang permainan, mengetahui latihan dan teknik permainan, pengukuhan kemahiran dalam permainan, pengurusan padang/ gelanggang dan pasukan serta pengelolaan pertandingan / projek.

UKS11101 PINGPONG

Kursus Kokurikulum ini bertujuan mendedahkan pelajar-pelajar kepada ilmu sukan ping pong dari segi kemahiran, teori dan teknikal. Dari segi teori, kursus ini lebih menjurus kepada sejarah, latar belakang,

terminologi, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan ping pong. Manakala dari segi teknikal, kursus ini lebih menumpukan kepada latihan amali (practical) dari segi kemahiran bermain ping pong.

UKS11201 MEMANAH

Kursus Kokurikulum ini bertujuan mendedahkan pelajar-pelajar kepada ilmu sukan memanah dari segi kemahiran, teori dan teknikal. Dari segi teori, kursus ini lebih menjurus kepada sejarah, latar belakang, terminologi, pengurusan diri dan lain-lain yang berkaitan dengan memanah. Manakala dari segi teknikal, kursus ini lebih menumpukan kepada latihan amali (practical) dari segi kemahiran bermain memanah.

UKS11301 TAEKWONDO

Kursus ini akan memperkenalkan dan mendedahkan siswa siswi berkenaan dengan seni mempertahankan diri Taekwondo WTF yang berasal dari Negara Korea. Dalam seni mempertahankan diri Taekwondo siswa siswi akan diterapkan dengan disiplin diri yang tinggi terutama dari segi ketepatan masa dalam menghadiri latihan dan latihan kecergasan untuk meningkatkan kebolehan dan ketangkasan dalam setiap pergerakan seni mempertahankan diri.

B. BADAN UNIFORM

UKU10121 PENGAKAP

Persatuan pengakap merupakan satu subjek yang menekankan kebolehan memberi arahan dan sentiasa berada dalam tahap disiplin yang tinggi. Ianya juga membentuk pelajar agar boleh memberikan perkhidmatan memasyarakatkan pada bila-bila masa.

UKU1011 BULAN SABIT MERAH

Persatuan bulan sabit merah merupakan satu subjek yang menekankan kebolehan memberi arahan dan sentiasa berada dalam tahap disiplin yang tinggi. Ianya juga membentuk pelajar agar boleh memberikan pertolongan cemas pada bila-bila masa.

UKU1031 PERTAHANAN AWAM

Pertahanan awam merupakan satu subjek yang menekankan kebolehan memberi arahan dan sentiasa berada dalam tahap disiplin yang tinggi. Ianya juga membentuk pelajar agar boleh memberikan pertolongan cemas pada bila-bila masa.

UKU1041 WATANIAH

Pengurusan dan latihan askar wataniah Malaysia merupakan satu subjek untuk mendedahkan pelajar kepada ilmu pengurusan diri, keyakinan diri, berdikari, semangat kerja berpasukan di samping memperoleh ilmu medan perang melalui teori dan praktikal.

UKV1012 SUKSIS

Kursus ini memperkenalkan tentang sejarah penubuhan pasukan polis di Malaysia, peranan dan tanggungjawab. Di samping pelajar juga diperkenalkan tentang penampilan imej dan rupa jati diri sebagai anggota polis yang berwibawa. Sistem pemakaian pangkat, gelaran, jenis-jenis pakaian, bidang kuasa polis, latihan kawad dan keselamatan juga akan dipelajari melalui pendekatan teori dan amali.

UKV1022 PALAPES TENTERA LAUT

Kursus ini bertujuan untuk melatih pegawai kadet pada peringkat asas sebagai pengenalan kepada alam ketenteraan dan juga operasi TLDM. Kursus ini merangkumi pengenalan dan asas dalam bidang ketenteraan, tradisi TLDM, pentadbiran dan pengurusan, komunikasi, navigasi umum, ilmu pelaut, persenjataan dan renang.

UKU10502 BRIGED GAYONG

Kursus ini memperkenalkan dan mendedahkan pelajar berkenaan dengan seni mempertahankan diri Silat Seni Gayong (Pasukan Khas Briged Gayong) daripada segi teori, teknikal dan praktikal. Pelajar akan mempelajari perundangan, peraturan-peraturan dan adat istiadat Silat Seni Gayong. Pelajar juga akan diberi penekanan terhadap disiplin diri. Di samping itu juga pelajar akan mempelajari sejarah, falsafah, etika, jati diri, kawad disiplin badan beruniform, kenegaraan, kepimpinan, undang-undang dan akta seni mempertahankan diri serta modul asas tempur tanpa senjata super combat (TTS) Silat Seni Gayong Malaysia.

C. SENI PERSEMBAHAN

UKP1011 GAMELAN

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada tentang sejarah asal usul, peranan dan fungsi muzik dalam masyarakat serta gaya muzik permainan seni muzik gamelan. Selain itu, ia turut memberi pendedahan dari aspek konsep muzik serta fungsi alat-alat muzik serta ciri-ciri muzik gamelan seperti inang dan berturus gambang. Pelajar-pelajar juga diperkenalkan dengan not-not muzik gamelan.

UKP1021 KOIR

Pelajar didedahkan dengan teknik vokal seperti postur, pengeluaran suara, pengawalan pernafasan, tegister (peletakan suara) artikulasi, sebutan dan ekspresi. Mereka mempelajari alat vokal dan anatomi manusia yang berkaitan dengan pernafasan dan fonais. Pelajar mengamalkan prinsip teknik vokal yang asas melalui nyanyian pelbagai *repertoire*.

UKP1031 TARIAN TRADISIONAL

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang jenis tarian Melayu yang terdapat di Malaysia. Pelajar akan diperkenalkan dengan asas rentak tari iaitu tarian zapin, joget dan inang. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan asas pengurusan kumpulan tarian pada tahap ini. Pelajar dikehendaki mempelajari tiga jenis langkah tari iaitu zapin, joget dan inang.

UKP1041 TEATER

Kursus ini memberi pengetahuan tentang sejarah drama dan teater dan hubungan dengan kehidupan manusia. Ianya juga akan menumpukan aspek asas seperti vokal, fizikal, pergerakan dan pengucapan dengan menggunakan adegan-adegan pendek dari naskhah penulisan sama ada dari novel, sejarah, atau cerita rakyat. Ianya juga akan membincangkan aspek pengurusan persembahan dan pengendalian sesuatu persembahan yang melibatkan dekorasi pentas, bunyi, pencahayaan khususnya dari aspek pementasan. Ianya akan dihasilkan secara teori dan amali.

UKP10501 DIKIR BARAT

Kursus ini berkenaan persembahan dikir barat; memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan, sejarah, nyanyian, alat muzik dan gerak tari awak-awak serta gaya muzik dikir barat di Negeri Kelantan. Kursus ini juga menumpukan aspek asas seperti vokal bagi tok jogho, tukang karut dan awak-awak, konsep muzik dikir barat, gerak tari dan tepukan awak-awak. Pelajar juga akan diberi penekanan dalam aspek praktikal yang melibatkan latihan dan penggunaan alat muzik, nyanyian, gerak tari dan tepukan awak-awak dalam dikir barat. Selain itu, kursus ini juga akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai etika dan pengurusan sesuatu persembahan dikir barat.

UKP 10601 MAK YONG

Kursus ini berkenaan seni persembahan Mak Yong. Kursus ini memberi pendedahan dan penekanan kepada mahasiswa tentang jenis-jenis tarian, lakonan dan lagu/muzik yang digunakan di dalam persembahan Mak Yong. Pelajar akan diperkenalkan dengan alat muzik utama, lagu, tarian dan lakonan. Mahasiswa akan mempelajari lakonan dan tiga jenis tarian: satu jenis tarian utama dan dua jenis tarian sampingan di dalam persembahan Mak Yong. Selain itu, pelajar juga akan berpeluang untuk mengenal pasti jenis-jenis busana dalam persembahan Mak Yong yang perlu disesuaikan dengan solekan tertentu. Asas pengurusan kumpulan juga akan dipraktikkan kepada pelajar melalui persembahan Mak Yong.

UKP10701 REBANA KERCING

Kursus ini berkenaan seni persembahan Rebana Kercing. Kursus ini memberi pendedahan dan penekanan kepada mahasiswa tentang jenis-jenis tarian, dan lagu/muzik yang digunakan di dalam persembahan Rebana Kercing. Pelajar akan diperkenalkan dengan alat muzik utama, lagu dan tarian. Mahasiswa akan mempelajari satu jenis lagu dan tarian. Selain itu, pelajar juga akan berpeluang untuk mengenal pasti jenis-jenis busana dalam persembahan Rebana Kercing yang perlu disesuaikan dengan solekan tertentu. Asas pengurusan kumpulan juga akan dipraktikkan kepada pelajar melalui persembahan Rebana Kercing.

UKP 10801 WAYANG KULIT KELANTAN

Kursus ini berkenaan seni persembahan Mak Yong. Kursus ini memberi pendedahan dan penekanan kepada mahasiswa tentang jenis-jenis tarian, lakonan dan lagu/muzik yang digunakan di dalam persembahan Mak Yong. Pelajar akan diperkenalkan dengan alat muzik utama, lagu, tarian dan lakonan. Mahasiswa akan mempelajari lakonan dan tiga jenis tarian: satu jenis tarian utama dan dua jenis tarian sampingan di dalam persembahan Mak Yong. Selain itu, pelajar juga akan berpeluang untuk mengenal pasti jenis-jenis busana dalam persembahan Mak Yong yang perlu disesuaikan dengan solekan tertentu. Asas pengurusan kumpulan juga akan dipraktikkan kepada pelajar melalui persembahan Mak Yong.

D. PENGURUSAN DAN KETERAMPILAN DIRI**UKD1011 PENGURUSAN DAN ORGANISASI**

Pengurusan organisasi pelajar menekankan tentang bagaimana pelajar-pelajar diberi pendedahan kepada prinsip-prinsip menguruskan kelab dan persatuan. Ini bagi membolehkan mereka mendapatkan pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam berinteraksi, berkomunikasi dengan baik dan berkeyakinan terhadap diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling sewaktu berpersatuan.

UKD1021 PENGUCAPAN AWAM

Pengucapan awam menekankan tentang bagaimana pelajar-pelajar diberi pendedahan kepada prinsip, teori dan jenis komunikasi. Ini bagi membolehkan mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik.

UKD1031 KEPIMPINAN DAN MOTIVASI

Kursus ini memberikan penekanan tentang prinsip kepimpinan dan motivasi. Ini bagi membolehkan mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran khususnya dalam memimpin dan berkeyakinan terhadap diri sendiri.

E. DAYA USAHA DAN INOVASI

UKI1011 REKABENTUK WEBLOG

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang jenis dan tujuan mereka bentuk weblog, kaedah pendaftaran, menentukan susun letak elemen, memasukkan pautan, teks, bunyi, animasi, gambar dan video. Ini membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam mereka bentuk blog.

UKI1021 FOTOGRAFI

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang pengenalan fotografi, jenis-jenis kamera digital, lensa, lampu denyar, pencahayaan, penuras, tripod dan pasca pemprosesan asas foto digital. Ini membolehkan pelajar mendapat pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran asas fotografi dan teknik-teknik dalam bidang fotografi.

**SENARAI STAF MENGIKUT KLUSTER
FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

JABATAN PELANCONGAN

BIL.	NAMA	JAWATAN	EMAIL
1	DR. ROSLIZAWATI BINTI CHE AZIZ	DEKAN/ PENSYARAH KANAN	roslizawati@umk.edu.my
2	DR. NIK ALIF AMRI BIN NIK HASHIM	KETUA JABATAN / PENSYARAH KANAN	aliamri@umk.edu.my
3	PROF. DR. KHAIRIL WAHIDIN BIN AWANG	PROFESOR	khairil.w@umk.edu.my
4	DR. MARLISA BINTI ABDUL RAHIM	PENSYARAH KANAN	marlisa@umk.edu.my
5	TS. DR. SITI SALINA BINTI SAIDIN	PENSYARAH KANAN	salina.s@umk.edu.my
6	DR. NOR SYUHADA BINTI ZULKEFLI	PENSYARAH KANAN	syuhada.z@umk.edu.my
7	DR. AIKAL LIYANI BINTI MOHD ROSDI	PENSYARAH	liyani.r@umk.edu.my
8	DR. AMIN JAN	PENSYARAH KANAN	aminjan@umk.edu.my
9	DR. MOHANAD S. S. ABUMANDIL	PENSYARAH KANAN	mohanad.ssa@umk.edu.my
10	DR NORIZAN BINTI MUSA	PENSYARAH	norizan.m@umk.edu.my
11	PUAN HAZZYATI BINTI HASHIM	PENSYARAH	hazzyati@umk.edu.my
12	PUAN NURZEHAN BINTI ABU BAKAR	PENSYARAH	nurzehan.ab@umk.edu.my
13	PUAN RAJA NORLIANA BINTI RAJA OMAR	PENSYARAH	norliana.ro@umk.edu.my
14	PUAN FADHILAHANIM ARYANI BINTI ABDULLAH	PENSYARAH	aryani.a@umk.edu.my
15	PUAN NURUL AZIAH BINTI AHMAD	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	nurulaziah@umk.edu.my
16	EN. FAUZAN HAFIZ BIN MUHAMMAD SAFRI	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	fauzan.ms@umk.edu.my
17	CIK ZAIMATUL BINTI AWANG	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	zaimatul@umk.edu.my
18	EN. SATHISH KUMAR A/L VELAYUTHAN	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH MUDA	sathish.k@umk.edu.my

JABATAN HOSPITALITI

BIL.	NAMA	JAWATAN	EMAIL
1	CIK NUR FARIHIN BINTI ABD HADI KHAN	KETUA JABATAN/ PENSYARAH	farihin.ah@umk.edu.my
2	DR. MOHD FADIL BIN MOHD YUSOF	PENSYARAH KANAN	fadil@umk.edu.my
3	DR. DERWEANNA BINTI BAH SIMPONG	PENSYARAH KANAN	derweanna@umk.edu.my
4	DR. NUR HAFIZAH BINTI MUHAMMAD	PENSYARAH KANAN	hafizahm@umk.edu.my
5	DR NUR DALILA BINTI MAT YUSOFF	PENSYARAH	nurdalila@umk.edu.my
6	DR. ATAUL KARIM PATWARY	PENSYARAH KANAN	ataul.kp@umk.edu.my
7	PUAN NOR MAIZANA BINTI MAT NAWI	PENSYARAH	maizana.mn@umk.edu.my
8	CIK NUR ALIAH BINTI MANSOR	PENSYARAH	aliah.m@umk.edu.my
9	CIK MAZNE BINTI IBRAHIM	PENSYARAH	mazne@umk.edu.my
10	PUAN NUR AZIMAH BINTI OTHMAN	PENSYARAH	azimah.o@umk.edu.my
11	EN. ABDULLAH BIN MUHAMED YUSOFF	PENSYARAH	abdullah.my@umk.edu.my
12	PUAN NURUL FARDILA BINTI ABD RAZAK	PENSYARAH	fardila.ar@umk.edu.my
13	EN. MOHAMMED RUQAIMI BIN REMELI	PENSYARAH	ruqaimi@umk.edu.my
14	PUAN HARNIDAH BINTI SAMENGON	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	harnidah@umk.edu.my
15	PUAN NOR AMIRA BINTI MOHD. RAZALI	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	noramira.mr@umk.edu.my
16	CIK NURASHIKIN BINTI A. RIDZUAN	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	nurashikin.ar@umk.edu.my

JABATAN KESEJAHTERAAN

BIL.	NAMA	JAWATAN	EMAIL
1	DR. NURUL HAFIZAH MOHD YASSIN	KETUA JABATAN/ PENSYARAH KANAN	hafizah.my@umk.edu.my
2	PROF. MADYA DR. HASIF RAFIDEE BIN HASBOLLAH	PROFESOR MADYA	rafidee@umk.edu.my
3	DR. RUZANIFAH BINTI KOSNIN	PENSYARAH KANAN	ruzanifah@umk.edu.my
4	DR. NOR DALILA BINTI MARICAN	PENSYARAH KANAN	dalila.m@umk.edu.my
5	DR. NORMAIZATUL AKMA BINTI SAIDI	PENSYARAH KANAN	akma.s@umk.edu.my
6	DR. AIFA ROZAINI BINTI MOHD RADZOL	PENSYARAH KANAN	aifa.r@umk.edu.my
7	DR. AHMAD FAHME BIN MOHD ALI	PENSYARAH KANAN	fahme.ma@umk.edu.my
8	DR. NAZIATUL AZIAH BINTI MOHD RADZI	PENSYARAH KANAN	aziah.mr@umk.edu.my
9	DR. SUCHI BINTI HASSAN	PENSYARAH KANAN	suchi.h@umk.edu.my
10	DR. ADENEYE YUSUF BABATUNDE	PENSYARAH KANAN	adeneye.yb@umk.edu.my
11	DR. MOHD HAKAM BIN NAZIR	PENSYARAH KANAN	hakam.n@umk.edu.my
12	EN. MOHD HAFZAL BIN ABDUL HALIM	PENSYARAH	hafzal@umk.edu.my
13	EN. AHMAD FAEZI BIN AB. RASHID	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	faezi.ar@umk.edu.my
14	EN. MOHD FIRDAUS MOHD NASIR	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH	mfirdaus@umk.edu.my
15	PUAN FATIN NASIRAH BINTI MOHAMMED DANIAL	CUTI BELAJAR/ PENSYARAH MUDA	nasirah.m@umk.edu.my

STAF PENTADBIRAN FHPK

NO	NAMA STAF	JAWATAN	EMAIL
1	PUAN ALIFAH BINTI ADNAN	TIMBALAN PENDAFTAR	alifah.a@umk.edu.my
2	PUAN WAN FADZLINA WAN MOHD NASIR	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	fadzlina@umk.edu.my
3	ENCIK MOHAMAD LUQMAN NUL HAKKIM BIN CHE ALI	PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN	hakim@umk.edu.my
4	PUAN NOR SYAFAWATI BINTI ABD RAHMAN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	norsyafawati@umk.edu.my
5	PUAN SITI NOR SUHAILA BINTI ROS	PEMBANTU TADBIR P/O	suhaila.r@umk.edu.my
6	PUAN NOOR ASMIZA BINTI ABDULLAH	PEMBANTU TADBIR P/O	asmiza.a@umk.edu.my
7	ENCIK AZMAN BIN ABDUL RAJAB	PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN	azman.rajab@umk.edu.my
8	ENCIK MUHAMAD HAFIZ BIN SOH	PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN	hafiz.s@umk.edu.my
9	MOHD AFIQ BIN MOHD NAWI	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	afiq.mn@umk.edu.my
10	PUAN WAN NOR AKMAR BINTI ALIAS	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	norakmar@umk.edu.my

*Disediakan oleh:
Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum dan Akademik
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (FHPK)*